

RINGKASAN DASAR

Lokalisasi Kegiatan DRR: Kolaborasi Antara Sektor Awam, Swasta, Akademik dan Komuniti

Takako Izumi, Profesor, IRIDeS, Tohoku University
Eriko Motoyama, Penyelaras Program Kanan, SeDAR JICA Partnership Program

RUMUSAN UTAMA

Kekerapan dan keamatan bencana seperti banjir dan tanah runtuh semakin meningkat di Malaysia dan seluruh dunia, akibat perubahan iklim dan kerja-kerja pembangunan. Meskipun kerentanan dan impak bahaya turut meningkat, kerosakan yang dialami dapat dikurangkan dengan meningkatkan kapasiti melaksanakan pengurangan risiko bencana (DRR) di peringkat tempatan.

LATAR BELAKANG

Pada 2021, Malaysia mengalami banjir yang dahsyat dengan mencatatkan 50 nyawa terkorban, seramai 70,000 orang yang tersisih daripada tempat tinggal mereka dan menjejaskan lebih dari 125,000 orang penduduk. Pada skala yang lebih kecil, banjir bermusim tahunan sering menjejaskan penduduk Malaysia. Besar kemungkinan, cabaran global seperti perubahan iklim dan peningkatan kegiatan-kegiatan pembangunan, akan memudaratkan lagi keadaan pada masa akan datang.

Perkembangan ini membawa kepada projek 'Memperkasakan Kapasiti Pengurangan Risiko Bencana Demi Meningkatkan Keselamatan dan Sekuriti Komuniti Dengan Memahami Risiko Bencana (SeDAR)' telah diperkenalkan pada tahun 2018. Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Universiti Tohoku, Universiti Teknologi Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) Malaysia, telah melaksanakan program ini dengan pembiayaan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Projek ini bertujuan melengkapkan pihak berkuasa tempatan, pemimpin komuniti dan ahli komuniti dengan kemahiran dan kebolehan membangunkan program DRR di peringkat akar umbi, menerusi strategi pemeraksanaan dari bawah

ke atas. SeDAR turut menekankan keperluan menggunakan sains dan teknologi untuk mengenalpasti risiko selain bersiap siaga dan bertindak menghadapi bencana pada masa akan datang.

Konsep utama program ini termasuk:


1. Memahami risiko bencana oleh pihak berkuasa tempatan dan komuniti,
2. Kepimpinan dan rasa kepemilikan oleh komuniti untuk menerajui program DRR, dan
3. Kesenambungan dan kemampuan program oleh pihak berkuasa tempatan dan komuniti.

Untuk mencapai matlamat ini, program dilaksanakan mengikut fasa-fasa berikut:

1. Memahami risiko berpandukan bukti/analisis berasaskan sains,
2. Melatih pemimpin tempatan,
3. Meningkatkan pengetahuan komuniti terhadap risiko dan siapsiaga menghadapi bencana,
4. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti DRR oleh komuniti, dan
5. Pemadanan program DRR dengan keadaan setempat dan memastikan kesinambungannya.

Projek ini menyasarkan empat kawasan: Kapar (Daerah Klang), Kg. Sungai Serai dan Kg. Batu 14 (Daerah Hulu Langat) dan Ulu Klang (Daerah Gombak). Banjir ialah bahaya utama di Kapar dan Kg. Sg. Serai, manakala tanah runtuh merupakan risiko utama di Ulu Klang dan Batu 14.

JPP SeDAR Site Project in MALAYSIA (Ulu Klang, Batu 14, Kampung Sg. Serai and Kapar)



PENCAPAIAN PROJEK

Pencapaian utama projek termasuk:

1. **Mengenalpasti risiko dan memberi maklumat tentang risiko** melalui Laporan Risiko Bencana: Memahami risiko tanah

runtuh dan banjir untuk pengurangan risiko bencana berasaskan sains di negeri Selangor.

2. **Sesi komunikasi risiko untuk kakitangan pihak berkuasa tempatan dan pemimpin komuniti** di kesemua empat kawasan sasaran telah dianjurkan dan dihadiri oleh 58 pegawai serta pemimpin komuniti.

3. **Membangunkan modul latihan dan menerbitkan** 'Buku Panduan Melatih Jurulatih Untuk Merancang dan Melaksanakan Program DRR Berasaskan Komuniti'.
4. **Seramai 31 master trainer di peringkat kerajaan dan 81 jurulatih komuniti** di peringkat komuniti telah dilatih.
5. **Bengkel komuniti tentang DRR dan risiko bahaya** telah dianjurkan di keempat-empat kawasan sasaran projek. Seramai 173 ahli komuniti mengambil bahagian dan diperkenalkan kepada DRR.
6. **Latihan jenguk kampung dijalankan** di keempat-empat kawasan sasaran projek, yang dihadiri oleh 167 ahli komuniti. Melalui latihan ini, kekuatan dan kelemahan kesiapsiagaan bahaya dikenalpasti.
7. **Sesi rundingan bagi merancang aktiviti DRR komuniti** dianjurkan dengan wakil kerajaan, pemimpin komuniti dan pakar aktiviti DRR.
8. **Aktiviti DRR dianjurkan** di setiap kawasan sasaran:
 - **Kapar:** Pemetaan lokasi pusat pemindahan, pelekat magnet maklumat amaran awal, papan tanda untuk pusat pemindahan, dan latih amal kenal pasti arah untuk pemindahan
 - **Kg. Sg. Serai:** Plogging, latih amal evakuasi, pemetaan lokasi pusat pemindahan, pelekat magnet maklumat sistem amaran awal, papan tanda pusat pemindahan.
 - **Ulu Klang:** Pusat komuniti sumber DRR, latihan tindak balas kecemasan, ceramah sains
 - **Kg. Batu 14:** Latihan komuniti berkaitan pemantauan tanah runtuh, sesi DRR di sekolah, membekalkan bahan pendidikan mengenai bencana di sekolah.



CABARAN

DRR memerlukan penglibatan pelbagai pemegang taruh, serta langkah-langkah berkaitan struktur fizikal (empangan, tembok laut, daik, dsb.) dan bukan-berstruktur (pendidikan, sistem tindak balas yang berkesan, latihan, dsb.). Di samping itu, pelaburan sumber adalah mustahak untuk memastikan semua langkah dan mekanisme yang disyorkan diamalkan dengan berkesan. Namun, perlu difahami bahawa banyak negara menghadapi cabaran pelaksanaan disebabkan kekurangan sumber, bantuan teknikal dan pengetahuan. Ketika bekerjasama dalam projek DRR di Malaysia, agensi kerajaan, akademik, organisasi masyarakat sivil dan komuniti yang terlibat telah mengenalpasti isu tertentu yang memerlukan pelan tindakan dan penambahbaikan dengan segera.

1. Mengumpul dan mengakses data yang diperlukan untuk mengenalpasti dan memodelkan risiko

Mengenalpasti, menganalisis dan memahami risiko ialah langkah pertama dalam DRR. Dapatan data boleh digunakan untuk memutuskan langkah terbaik dalam siapsiaga untuk bertindak balas dan pemulihan daripada kejadian bencana. Risiko bencana boleh difahami melalui lensa sains dan teknologi, sebagai contoh, melalui aplikasi data penderiaan jauh dalam masa sebenar. Bagaimana pun, banyak negara menghadapi kesukaran untuk menjejak dan menyelenggara rekod bencana serta kemusnahan akibat bencana, di samping berkongsi maklumat di kalangan kepimpinan tertinggi dan agensi kerajaan, disebabkan kekangan sumber dan pertukaran kakitangan.

2. Mengubah pemikiran di kalangan komuniti bahawa pengurangan atau pengurusan risiko bencana adalah tanggungjawab kerajaan sahaja

Pihak kerajaan sememangnya bertanggungjawab untuk mengambil inisiatif mengurang dan mengurus risiko bencana, antara lain, memperuntukkan bajet untuk aktiviti yang berkaitan, melatih sumber manusia, mengguna sains dan teknologi untuk penambahbaikan, mengujudkan jaringan dan mekanisme penyelarasan melibatkan pelbagai pemegang taruh, menggunakan sistem amaran awal, melaksanakan program pendidikan bencana dan peningkatan kesedaran. Namun, tidak mudah bagi kerajaan sahaja untuk melaksanakan kesemua aktiviti. Terdapat banyak perkara di mana komuniti boleh mengambil inisiatif, kerana mereka lebih mengenali keadaan setempat, makanya mereka paling layak untuk mencadangkan langkah penyelesaian.

3. Akses kepada amaran awal dan komunikasi risiko

Amaran awal adalah salah satu ciri utama DRR, dan berfungsi membantu komuniti apabila mengambil keputusan untuk melakukan pemindahan dan bertindak pantas untuk keselamatan nyawa. Sistem amaran awal merujuk kepada sistem berintegrasi untuk pemantauan bahaya, membuat unjuran, ramalan, penilaian risiko bencana, komunikasi dan aktiviti serta proses meningkatkan tahap kesiap siagaan. Oleh itu, amat penting agensi-agensi kerajaan berkerjasama dengan satu sama lain untuk mengeluarkan isyarat amaran yang menepati masa dan tepat. Namun, isyarat sering tidak sampai kepada komuniti berisiko disebabkan masalah teknikal dan kekurangan pengetahuan am tentang maksud isyarat yang dikeluarkan. Sistem amaran awal akan lebih berkesan apabila dilaksanakan melalui komunikasi risiko yang mantap, dengan pelbagai saluran dan langkah komunikasi yang jelas.

4. Memahami hubung kait antara isu alam sekitar dan bencana

Bahaya berkaitan iklim seperti banjir dan tanah runtuh semakin kerap berlaku disebabkan impak perubahan iklim. Namun, hubung kait antara isu alam sekitar dan DRR tidak difahami dengan jelas. Salah satu komuniti sasaran dalam projek ini mengenalpasti masalah seperti pembuangan sampah merata-rata, dan tempat pembuangan sampah. Masalah ini meningkatkan risiko banjir apabila sungai, anak sungai dan sistem perparitan tersumbat. Selain itu, risiko kebakaran kecil turut berlaku di tempat pembuangan sampah. Risiko bencana boleh dikurangkan apabila komuniti setempat dan pihak berkuasa tempatan mengawal longgokan sampah serta terus memelihara persekitaran bersih dan selamat. Pembuangan sampah dengan cara yang betul serta peyelenggaraan persekitaran yang bersih dan selamat boleh membantu mereka mengurangkan risiko bencana ini.

5. Sikap ingin tahu yang rendah di kalangan agensi kerajaan pra-bencana (pengurangan risiko bencana) tetapi sebaliknya pada fasa pasca-bencana (usaha mencari dan menyelamatkan)

Pihak kerajaan perlu bertindak segera dan dengan berkesan pada setiap kecemasan. Kapasiti untuk menyelamatkan nyawa dan menyalurkan bantuan kecemasan perlu dipertingkatkan. Tetapi mereka juga perlu memahami pentingnya menyalurkan sumber dan mengendalikan DRR sebelum sebarang bencana berlaku. Sekadar memperkukuhkan kapasiti tindakbalas sahaja tidak memadai untuk mengurangkan kemusnahan atau menyelamatkan nyawa daripada bencana pada masa akan datang. Usaha DRR perlu pendekatan yang berserampang dan dipelbagaikan, memandangkan pengurangan risiko adalah satu proses jangka panjang. Oleh itu, amat penting untuk pihak kerajaan memahami pentingnya DRR, pelopori usaha DRR dengan segera, menerajui proses-proses yang berkaitan serta menyediakan platform atau mekanisme yang membolehkan kolaborasi berkesan sesama pemegang taruh.

DASAR-DASAR YANG DISYORKAN

1. Tubuhkan hab data untuk memastikan pengumpulan dan simpanan data, perkongsian untuk menganalisis dan mengenalpasti risiko, serta aplikasi sains dan teknologi yang diperkukuhkan

Pengumpulan data adalah penting bagi mengenalpasti kemungkinan bahaya, menilai kerentanan dan membangunkan strategi berkesan untuk mengurangkan risiko. Data-data yang dikumpul boleh digunakan untuk menyediakan peta risiko, mengenalpasti kawasan risiko tinggi, menjalankan simulasi dan pemodelan untuk mengenalpasti risiko bencana pada masa akan datang serta membangunkan sistem amaran awal. Data ini sudah memang sedia dikumpul oleh pihak berkuasa berkaitan pengurusan bencana di pelbagai peringkat, universiti, institut penyelidikan dan kementerian yang berkaitan. Tanpa data ini, tidak mudah untuk membangunkan rancangan DRR dan pengurusan kecemasan yang berasaskan bukti, boleh dipercayai dan mampan. Bagaimana pun, cabaran yang dihadapi adalah data berharga ini sering disimpan dan diuruskan oleh agensi dan jabatan berlainan, dan selalunya tidak mudah untuk mengenalpasti agensi yang memiliki data yang diperlukan. Tambahan pula, sering kali data yang ada tidak dikongsi. Kewujudan sebuah jabatan, pejabat atau agensi yang memahami spektrum sepenuhnya pengumpulan data adalah amat penting, demi pengurusan, penyelarasan dan pemantauan proses yang lebih baik. Pengumpulan data adalah satu proses yang berterusan dan memerlukan pemantau serta penilaian berterusan bagi memastikan keberkesanannya. Di samping itu, penting juga kepastian data yang dikumpul adalah tepat, boleh dipercayai dan terkini.

2. Tingkatkan pendidikan bencana di sekolah dan kesedaran awam terhadap DRR

Pendidikan bencana bertujuan menyampaikan

pengetahuan kepada individu dan kumpulan supaya mereka dapat bertindak untuk mengurangkan kerentanan kepada bencana. Kanak-kanak, terutamanya, perlu diajar dan mempelajari tentang pelbagai jenis bahaya, kemusnahan yang diakibatkan, bagaimana kesannya boleh dikurangkan dan bagaimana mereka boleh menyumbang ke arah DRR. Di semua peringkat persekolahan, adalah digalakkan diterapkan kelas, sesi dan seminar tentang DRR dalam kurikulum. Kemampuan untuk menyelamatkan nyawa semasa kecemasan juga penting demi keselamatan awam. Selain itu, program meningkatkan kesedaran perlu dianjurkan untuk orang awam. Agensi kerajaan, akademia dan organisasi masyarakat sivil boleh mengambil langkah pertama dengan berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang bencana, serta jenis DRR dan mekanisme tindak balas yang boleh ditawarkan oleh mereka ketika kecemasan.

Pendidikan dan aktiviti meningkatkan kesedaran tidak memerlukan perbelanjaan besar seperti pembinaan infrastruktur, tetapi hanya memerlukan kepimpinan dan kepakaran. Kemusnahan akibat bencana dan kerentanan boleh dikurangkan menerusi usaha-usaha oleh orang-orang perseorangan, mahu pun secara berkumpulan dalam menangani risiko bencana pada masa akan datang, tanpa bergantung hanya kepada bantuan kerajaan.



3. Kukuhkan sistem amaran awal dan komunikasi risiko

Sistem amaran awal bukan hanya setakat

memantau, mengenalpasti dan meramal kemungkinan bahaya dan risiko, tetapi juga berperanan dalam penghebahan risiko bahaya atau yang dijangka berlaku kepada orang awam, lantaran membolehkan mereka bertindak terhadap ancaman yang mendatang. Walaupun sistem amaran awal yang berkesan sudah tersedia, sistem tetap dianggap tidak berkesan jika orang awam tidak dapat mendengar atau memahami amaran dan siren. Di salah satu komuniti dalam projek ini, lebih daripada 80% penduduk memaklumkan yang mereka tidak mendengar siren yang diaktifkan pada masa lalu. Melalui projek ini, beberapa isu berkaitan sistem amaran awal telah dikenalpasti: bunyi amaran siren sukar untuk didengar oleh keseluruhan komuniti, manakala maksud amaran dan jenis tindakan yang perlu diambil ketika amaran dikeluarkan adalah kurang jelas. Mesej dan maklumat penting ini perlu konsisten, disampaikan kepada orang awam dan boleh diakses oleh semua. Selain itu, latih amal untuk membiasakan komuniti dengan laluan dan lokasi pemindahan perlu dilakukan secara berkala.

4. Sokongan kerajaan untuk komuniti mulakan CBDRR dan terapkan DRR dalam kehidupan seharian

Projek ini menekankan perlunya ditingkatkan aktiviti DRR berasaskan komuniti (CBDRR) serta per pentingannya memastikan komuniti mengambil inisiatif dalam menerapkan DRR dalam kehidupan seharian mereka seperti bergotong royong. Langkah-langkah penting ini meliputi pemahaman tentang bahaya dan risiko dalam komuniti, menyediakan peta bahaya dan risiko, serta merancang dan mengambil tindakan. Dalam projek SeDAR ini, keempat-empat komuniti sasaran memutuskan aktiviti DRR yang akan dilaksanakan di komuniti masing-masing. Antara aktiviti termasuk mendirikan pusat sumber, menjalankan latihan tindak balas dan bengkel pemantauan visual cerun, latihan untuk menyemak laluan pemindahan dan lokasi pusat pemindahan, plogging (mengutip sampah) dan sesi kesedaran DRR di sekolah. Pengalaman ini menunjukkan bahawa pelbagai aktiviti CBDRR boleh dianjurkan, di mana komuniti mengambil inisiatif dengan bantuan awal serta

kemahiran yang disediakan oleh pakar. Aktiviti sebegini lebih berkesan dan dikendalikan dengan cekap apabila dirancang, diselaras dan dilaksanakan oleh ahli komuniti yang mengetahui risiko, sejarah bencana lalu dan sumber setempat yang tersedia untuk kegunaan komuniti.



5. Tingkatkan komunikasi antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti

Adalah menjadi kebiasaan, pihak kerajaan mengambil tindakan berkaitan DRR tanpa memaklukkannya kepada komuniti, dan begitu juga sebaliknya dengan pihak komuniti. Sering juga wujud jurang antara pemahaman mereka tentang risiko bencana serta tindakan sewajarnya untuk mengurangkan dan bersiapsiaga dalam menghadapi risiko. Kurangnya perkongsian maklumat serta perbincangan antara kedua-dua pihak acapkali membawa kepada salah faham dan perasaan saling tidak percaya akan usaha dan inisiatif masing-masing. Paling ketara, pihak kerajaan semestinya memiliki akses kepada bukti, data dan pengetahuan saintifik, sumber yang kebiasaannya tidak dimiliki komuniti. Komunikasi saintifik oleh agensi sains sangat membantu dan berharga untuk memastikan komuniti memahami risiko dan amaran awal yang memerlukan tindakan mereka berpandukan bukti dan data saintifik. Terdapat pelbagai perkara daripada sains yang boleh dipelajari masyarakat dan dijadikan sebagai asas dalam merancang sebarang tindakan, tetapi malangnya peluang menambah pengetahuan seperti ini jarang terbuka. Melalui projek ini, disyorkan supaya satu platform atau aplikasi telefon pintar ditubuhkan untuk berkongsi dan menyebarkan maklumat tentang bahaya yang

mendatang, kemusnahan akibat bahaya, dan isu yang memerlukan tindakan segera oleh pihak kerajaan dan komuniti. Dengan cara ini, pihak kerajaan dan komuniti dapat berkongsi maklumat yang dirasakan sesuai. Kolaborasi antara kerajaan dan komuniti adalah tunjang utama dalam merancang dan melaksanakan aktiviti DRR yang dipandankan dengan lokasi setempat, berkesan dan cekap.

6. Peruntukkan bajet atau pelaburan sumber untuk aktiviti DRR yang berupa langkah berstruktur dan tidak berstruktur

Salah satu pilihan tindakan utama dalam Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana yang diterimapakai pada 2015 di Persidangan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Pengurangan Risiko Bencana adalah 'Pelaburan sumber untuk pengurangan risiko bencana bagi meningkatkan daya tahan'. Ia turut menekankan bahawa pelaburan sumber kepada DRR adalah penting untuk memastikan daya tahan ekonomi, sosial, kesihatan dan budaya penduduk, komuniti, negara serta aset milik masing-masing dan alam sekitar. Untuk memperkenalkan mana-mana aktiviti DRR, peruntukan perbelanjaan dan pelaburan tertentu diperlukan. Perbelanjaan infrastruktur selalunya memerlukan kos yang lebih tinggi, manakala perbelanjaan untuk langkah tidak berstruktur memerlukan perbelanjaan yang tidak sebegitu tinggi. Tetapi ia memerlukan pengetahuan teknikal dan sokongan dari pelbagai agensi, akademia, organisasi masyarakat sivil dan juga sektor swasta. Peruntukan perbelanjaan atau pelaburan sumber untuk DRR adalah tanggungjawab kerajaan dan bergantung kepada pemahaman mereka terhadap kepentingan DRR, selain kepimpinan dan tekad untuk bertindak. Memang diketahui umum bahawa DRR boleh menyelamatkan nyawa dengan mengurangkan kerentanan, meningkatkan pendedahan dan menambah kapasiti. Ia adalah langkah berkesan untuk menraih manfaat maksimum dari perbelanjaan yang diperuntukkan ke arah meningkatkan keselamatan dan daya tahan komuniti.

7. Merangka satu program DRR dengan jangkamasa sekurang-kurangnya 2-3 tahun

DRR adalah satu proses yang memakan masa panjang dan cara terbaik bagi menjayakannya adalah dengan mengambil satu siri tindakan yang systematic untuk penerapan konsep DRR sepenuhnya di peringkat tempatan. Walaupun ia masih boleh berkesan hanya dengan pelaksanaan satu kegiatan sahaja, dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang DRR, impak dan keberkesanannya akan terhad. Faktor-faktor penting ke arah kejayaannya ialah perkongsian yang padu antara pasukan projek, kerajaan tempatan, agensi-agensi yang berkaitan, juga komuniti; kepimpinan dan penyelarasan oleh kerajaan dan pemimpin tempatan; semangat komuniti sebagai pemilik program CBDRR; dan panduan serta input atau penglibatan pakar-pakar DRR. (Rujuk kepada Lampiran untuk keterangan lanjut.).

8. Pertimbangan Masa Depan: 'Keterangkuman'

Satu aspek yang perlu dipertimbangkan adalah 'keterangkuman.' Usaha DRR selalunya dirancang dan dilaksanakan dengan menyasarkan majoriti masyarakat, sementara keperluan wanita, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, warganegara asing, komuniti peribumi dan golongan terpinggir diketepikan. Ini membawa kepada prinsip 'Tiada Yang Ketinggalan' dirangkumkan dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030. Meskipun tidak mudah untuk mengambil kira kesemua keperluan mereka apabila melaksanakan DRR dan merangka strategi khusus untuk setiap kelompok, penglibatan mereka adalah penting dalam perbincangan ke arah perancangan DRR dan pemahaman keperluan dan cabaran-cabaran mereka.

TINDAKAN YANG DICADANGKAN

1. Wujudkan satu hab data untuk pastikan pengumpulan dan penyimpanan dan perkongsian untuk analisis dan kenalpasti risiko, serta memperkasakan gunapakai sains dan teknologi
2. Tingkatkan pendidikan mengenai bencana di sekolah, dan kesedaran mengenai DRR dikalangan orang awam
3. Perkukuhkan sistem amaran awal dan komunikasi risiko
4. Komuniti diberi sokongan oleh Kerajaan untuk memulakan CBDRR dan terapkan DRR dalam kehidupan seharian mereka
5. Tingkatkan komunikasi antara pihak berkuasa tempatan dengan komuniti
6. Peruntukkan bajet atau labur dalam kegiatan DRR untuk langkah-langkah berstruktur dan bukan berstruktur
7. Rangka program DRR dalam jangkamasa sekurang-kurangnya 2-3 tahun
8. Pertimbangan Masa Depan: 'Keterangkuman'

Hubungi:

Prof. Takako Izumi, International Research Institute of Disaster Science (IRIDeS),
Tohoku University, Japan
Email: izumi@irides.tohoku.ac.jp

Eriko Motoyama, SeDAR JICA Partnership Program
Email: eriko@serviseda.com

LAMPIRAN

Rangka program DRR dalam jangkamasa sekurang-kurangnya 2-3 tahun.

DRR adalah satu proses yang panjang dan cara terbaik untuk menjayakannya adalah dengan mengambil satu siri tindakan yang systematic untuk penerapan konsep DRR sepenuhnya di peringkat tempatan. Walaupun ia masih boleh berkesan hanya dengan pelaksanaan satu kegiatan sahaja, dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang DRR, impak dan keberkesanannya akan terhad. Program SeDAR adalah satu projek 4-tahun yang mengambil satu proses langkah-langkah tetap. Membina dan mengekalkan perkongsian dengan pemegang taruh diberi keutamaan dan penekanan dalam usaha-usaha yang dilaksanakan untuk memastikan penglibatan serta kerjasama. Amatlah mencabar untuk mengurus dan mengekalkan program tersebut tanpa penglibatan pasukan program dan agensi kerajaan yang dedikasi seperti Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor. Kepimpinan dan penyelarasan diperingkat kerajaan dan tempatan amatlah penting untuk program ini. Penglibatan komuniti amatlah mustahak dan mereka perlu didorong untuk menjadi penggerak program kerana mereka berperanan untuk mengekalkan ilmu yang dipelajari dan mengurus kegiatan-kegiatan DRR untuk jangka panjang. Perlu juga bagi mereka untuk mendapat panduan dan penglibatan pakar-pakar DRR dari masa ke semasa untuk meningkatkan kualiti aktiviti-aktiviti mereka.

Proses CBDRR SeDAR

1. Dapatkan belanjawan untuk memulakan program CBDRR dan rangka kegiatan-kegiatan untuk jangka masa 2–3 tahun.
2. Lantik pasukan atau pejabat yang tetap untuk menyelaraskan, melaksana dan mengurus proses dan program CBDRR.
3. Pastikan penglibatan pemimpin-pemimpin komuniti dan kerajaan tempatan serta agensi-agensi yang berkenaan yang melibatkan sains dan tindakbalas kecemasan (contoh: Angkatan Pertahanan Awam, Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.) Tingkatkan pengetahuan mereka DRR dan pengurusan risiko.
4. Latih para pemimpin di peringkat tempatan. Mereka yang boleh mendidik masyarakat setempat dengan berkesan tentang DRR.
5. Laksanakan penilaian/kenalpasti risiko berasaskan sains serta gerakkan pemimpin-pemimpin komuniti menyebarkan risiko-risiko ini kepada masyarakat awam.
6. Laksanakan Jenguk Kampung (untuk komuniti lebih kenal risiko di sekitar mereka), hasilkan peta komuniti untuk mengenalpasti tempat-tempat bahaya, zon selamat dan lain-lain tempat yang penting, disamping mengenalpasti penyelesaian untuk mengatasi risiko.
7. Pastikan komuniti faham tentang sistem amaran awal dan sebarkan cara-caranya kepada awam.
8. Hasilkan peta yang menunjukkan lokasi-lokasi pemindahan serta tindakan-tindakan yang perlu diambil apabila siren dibunyikan. Laksanakan latihan amal pemindahan secara berkala (sekali atau dua kali setahun.)
9. Rancang dan laksana kegiatan DRR bersama dengan kerajaan tempatan dan komuniti dengan sokongan pakar-pakar serta pastikan kemamanan kegiatan-kegiatan yang diterajui oleh komuniti tempatan.
10. Perkongsian pengalaman dan ilmu dengan lain-lain daerah dan negeri.

11. Gunakan pelatih-pelatih diperingkat kerajaan dan komuniti--pelatih yang dilatih semasa projek DRR ini untuk kegiatan-kegiatan DRR yang lain. Sesungguhnya mereka ini adalah aset.